



**Manuscript Title:** Penghijrahan Dalam Masyarakat Melayu dan Sumbangannya kepada Sektor Penanaman Padi di Kerian, Perak (1874–1941)

**Author(s):** Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif

**Accepted Date:** 15-June-2021

**Please cite this article as:** Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif. 2021. (PENGHIJRAHAN DALAM MASYARAKAT MELAYU DAN SUMBANGANNYA KEPADA SEKTOR PENANAMAN PADI DI KERIAN, PERAK (1874–1941)). *Kajian Malaysia* (early view).

This is a provisional PDF file of an article that has undergone enhancements after acceptance, such as the addition of a cover page and metadata, and formatting for readability, but it is not yet the definitive version of record. This version will undergo additional copyediting, typesetting and review before it is published in its final form, but we are providing this version to give early visibility of the article.

*Kajian Malaysia (early view)*

**PENGIJRAHAN DALAMAN MASYARAKAT MELAYU DAN SUMBANGANNYA KEPADA SEKTOR PENANAMAN PADI DI KERIAN, PERAK (1874-1941)**

***THE INTERNAL MALAY MIGRATION AND ITS CONTRIBUTION TO PADDY PLANTING SECTOR IN KERIAN, PERAK (1874-1941)***

**Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif**

Independent Researcher, [Former Senior Lecturer (contract) in History Section, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, MALAYSIA] Latest address, 2A-3-5, Desa Airmas Condominium, Jalan Helang, 11700 Gelugor, Pulau Pinang, MALAYSIA.

Email: [sitinoorhafizah0807@gmail.com](mailto:sitinoorhafizah0807@gmail.com)

**ABSTRACT**

*This article discusses the internal migration of the Malays from Kedah, Penang and Seberang Perai and its contribution to Paddy Planting Sector in Kerian, Perak from 1874 to 1941. The internal migration of the Malay in the Malay Peninsular during the colonisation has never been discussed in the existing research. Instead, the existing research pertaining to the Malay migrations only refers to the role and contribution of the Malay migration from outside the Malay Peninsular. Hence, there are views saying that only immigrants outside the Peninsular played a vital role in the Peninsular economic development especially during the British colonisation. In fact, internal migration of the Malays was very important in the economic development of, for example, Kerian, Perak. This is because, these immigrants were the initial contributor to the Kerian economic development, especially in paddy cultivation until Kerian emerged as the main paddy cultivation district not only in Perak but also in the Federated Malay States (FMS). The role of immigrants of the Banjarese instead become significant only after the opening of Kerian Drainage Plan in 1906. Even with the presence of the Banjarese, the internal migration of the Malays continued to happen in a significant number which outweighed the number of the Banjarese immigrants in Kerian. This article discussion begins with the British official entry in 1874 and ended in 1941 because of the Japanese occupation. The primary resources that are being referred to in this writing are the colonial records such as The Annual Reports of the FMS, The Perak Government Gazettes, and The Population Census Reports.*

**Keywords:** internal migration, local Malay, Malay “foreigner”, Kerian, paddy cultivation

© Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2021. This work is licensed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY) (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

## ABSTRAK

*Artikel ini membincangkan penghijrahan dalaman masyarakat Melayu iaitu dari Kedah, Pulau Pinang dan Seberang Perai dan sumbangannya kepada sektor penanaman padi di Kerian, Perak dari tahun 1874 sehingga tahun 1941. Penghijrahan dalaman masyarakat Melayu di Semenanjung Tanah Melayu (STM) dan sumbangannya semasa penjajahan tidak pernah dibincangkan dalam mana-mana penulisan sedia ada. Sebaliknya, penulisan-penulisan lalu yang ada berkaitan penghijrahan masyarakat Melayu hanya membincangkan peranan dan sumbangan penghijrahan Melayu dari luar STM. Maka, wujud pandangan bahawa hanya penghijrah dari luar STM sahaja yang memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi Semenanjung, khususnya semasa penjajahan British. Walhal, penghijrahan dalaman masyarakat Melayu adalah sangat penting dalam pembangunan ekonomi Semenanjung Tanah Melayu (STM) misalnya di Kerian, Perak. Hal ini kerana golongan penghijrah inilah yang sebenarnya memainkan peranan awal dalam pembangunan ekonomi Kerian, khususnya dalam penanaman padi sehingga menjadikan Kerian sebagai sebuah daerah penanaman padi yang utama bukan sahaja di Perak, tetapi juga di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB). Peranan penghijrah masyarakat Banjar sebaliknya hanya mulai signifikan selepas pembukaan Rancangan Pengairan Kerian, 1906. Sekalipun dengan kehadiran masyarakat Banjar ini, penghijrahan dalaman masyarakat Melayu terus berlaku dalam jumlah yang signifikan iaitu melebihi jumlah kemasukan penghijrah masyarakat Banjar di Kerian. Perbincangan artikel ini bermula dengan kemasukan British secara rasmi di Perak pada tahun 1874 dan berakhir pada tahun 1941 ekoran pendudukan Jepun. Sumber-sumber primer yang dirujuk bagi penulisan ini adalah rekod-rekod kolonial seperti Laporan Tahunan NNMB, Warta Kerajaan Negeri Perak dan Laporan Banci Penduduk.*

**Kata kunci:** penghijrahan dalaman, Melayu tempatan, Melayu “asing”, Kerian, penanaman padi

## PENGENALAN

Penghijrahan merupakan satu fenomena global yang juga tidak asing kepada masyarakat di Kepulauan Melayu yang terdiri daripada pelbagai etnik dan tidak terhad kepada satu-satu tujuan sahaja. Hal ini dapat dilihat daripada pelbagai istilah masyarakat Melayu di rantau ini yang digunakan secara khusus bagi merujuk kepada penghijrahan. Istilah “merantau” yang berasal dari masyarakat Minangkabau, Sumatera umpamanya, telah digunakan sejak berabad lamanya oleh masyarakat Melayu dalam menggambarkan pergerakan manusia atas pelbagai tujuan. Penggunaan istilah ini adalah sangat menarik kerana anjal dalam menggambarkan pelbagai faktor penghijrahan (Wang 2001). Sungguhpun Wang mengakui bahawa penghijrahan merupakan perkara yang tidak asing kepada masyarakat Melayu, namun beliau menganggap bahawa penghijrahan yang

berlaku tersebut bergantung kepada kuasa “orang besar” (seseorang yang mempunyai kedudukan atau kuasa politik) (Wang 1985). Hal ini bermaksud, inisiatif individu yang tidak mempunyai kuasa tidak memberi kesan besar kepada penghijrahan yang berlaku dan pandangan ini tidaklah benar-benar tepat.

Di Semenanjung Tanah Melayu (STM), penulisan yang menjadikan penghijrahan masyarakat Melayu sebagai tema utama perbincangan semasa penjajahan British pula hanya tertumpu kepada penghijrahan masuk masyarakat Melayu dari Kepulauan Hindia Belanda sahaja. Jackson (1961) misalnya, selain memfokuskan kepada kemasukan penghijrah Cina dan India, beliau juga hanya memfokuskan kepada penghijrah Jawa untuk bekerja sebagai buruh di sektor perlombongan dan perladangan. Vlieland dan Smith pula menekankan peranan penghijrahan dari luar semenanjung dalam aspek kependudukan, pembangunan dan pertumbuhan ekonomi Tanah Melayu (Vlieland 1934; Smith 1952). Begitu juga esei-esei yang dimuatkan dalam Kratoska (1982) hanya membincangkan aspek penghijrah dan penghijrahan orang Melayu dari Kepulauan Hindia Belanda serta orang Cina dan India. Manakala, penulisan Khazin (1987) pula membincangkan faktor dan proses kedatangan serta sumbangan orang Jawa dalam ekonomi di Selangor. Seterusnya, penulisan Tunku Shamsul Bahrin (1967) turut membincangkan aspek penghijrahan orang Melayu dari Kepulauan Hindia Belanda. Namun, berbanding Khazin yang hanya membincangkan masyarakat Jawa, Tunku Shamsul memfokuskan perbincangannya kepada semua penghijrah Melayu yang berasal dari Kepulauan Hindia Belanda iaitu berkaitan aspek pertumbuhan dan taburan mereka di STM.

Selain daripada penulisan yang menyentuh aspek penghijrahan secara langsung, terdapat beberapa penulisan yang menyentuh penghijrahan tempatan secara tidak langsung. Namun, perbincangan tersebut masih dibayangi oleh penghijrahan orang Melayu dari luar Semenanjung. Penggunaan istilah Melayu “asing” misalnya, tidak diperincikan oleh sesetengah pengkaji sama ada Melayu “asing” yang digunakan dalam perbincangannya merujuk kepada Melayu yang berasal dari luar atau dari dalam STM (Chan 1967; Lim 1976). Maka, tidak hairanlah apabila istilah Melayu “asing” digunakan, seringkali tafsirannya dibayangi oleh penghijrah yang berasal dari luar STM walhal istilah tersebut turut digunakan bagi merujuk kepada penghijrahan orang Melayu yang berasal dari negeri-negeri STM. Lim misalnya, tidak memberikan takrifan sebenar terhadap istilah Melayu “asing” yang digunakan dalam perbincangannya. Namun berdasarkan kepada perbincangannya, istilah Melayu “asing” yang digunakan turut merujuk kepada masyarakat Melayu yang berasal dari luar Kerian, namun masih berasal dari negeri-negeri STM, iaitu masyarakat Melayu yang berasal dari Pulau Pinang dan Kedah. Bahkan masyarakat Melayu Kedah ini menurut beliau merupakan penghijrah yang lazim berhijrah ke daerah Kerian. Namun, istilah tersebut juga

turut digunakan bagi merujuk kepada masyarakat Melayu yang berasal dari luar STM, misalnya masyarakat Banjar (Lim 1976). Justeru itu, istilah Melayu “asing” yang digunakan dalam perbincangan artikel ini selagi tidak dinyatakan secara khusus adalah merujuk kepada masyarakat Melayu yang berasal dari negeri-negeri di STM (Pulau Pinang, Seberang Perai dan Kedah).

Penghijrahan Melayu “asing” yang berlaku ini menyumbang kepada pembangunan Kerian sebagai sebuah daerah penanaman padi yang penting bukan sahaja di Perak tetapi juga Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) semasa pentadbiran British kerana rata-rata daripada golongan penghijrah ini terlibat dalam aktiviti penanaman padi. Kepentingan daerah Kerian sebagai daerah penanaman padi menyebabkan daerah ini turut digelar sebagai “Jelapang Padi” NNMB. Maka, hal ini membuktikan sumbangan masyarakat Melayu yang berasal dari STM sendiri dalam pembangunan ekonomi semasa penjajahan British.

## **LATAR BELAKANG KERIAN SEBAGAI SEBUAH DAERAH PENANAMAN PADI DAN PERKEMBANGANNYA**

Merujuk kepada Kerian sebagai sebuah daerah yang penting berkaitan penanaman padi, beberapa kajian sedia ada telah pun membincangkannya. Antaranya adalah Lim (1976), Lim (1977) dan Hill (1977). Namun penulisan-penulisan ini tidak memfokuskan kepada peranan penghijrah dalaman Melayu dalam perkembangan penanaman padi. Lim misalnya hanya memfokuskan kepada perkembangan Kerian sebagai daerah penanaman padi atau makanan yang utama di NNMB dan keperluan rancangan pengairan dalam membantu petani padi (Lim 1976: Lim 1977). Hill pula, walaupun mengakui peranan penghijrah dalaman kepada perkembangan penanaman padi di Kerian, namun beliau menyatakan bahawa situasi ini hanya berlaku pada tahun 1892 (Hill 1977). Hal ini adalah kurang tepat kerana perkembangan Kerian sebagai sebuah penanaman padi telah pun berlaku sejak awal lagi iaitu sebelum penjajahan British lagi iaitu sekurang-kurangnya sejak tahun 1816. Perkembangan ini pada peringkat awal didorong oleh faktor politik dan kemudiannya diikuti pula oleh faktor geografi dan ekonomi.<sup>1</sup> Maka, adalah tidak menghairankan Kerian bukanlah merupakan satu daerah yang asing kepada penghijrah-penghijrah dari Kedah, Pulau Pinang dan Seberang Perai. Penghijrahan dalaman ini telah mengubah kedudukan Kerian dari sebuah daerah yang tidak berpenghuni kepada sebuah daerah penanaman padi (khususnya padi sawah) yang penting di Perak.<sup>2</sup>

Usaha menjadikan Kerian sebagai sebuah kawasan penanaman padi yang utama dan penting oleh pentadbir British telah pun bermula awal lagi iaitu pada tahun 1890-an (Short dan Jackson 1971). Namun usaha ini secara rasminya bolehlah dikatakan mencapai kemuncaknya pada tahun 1906 apabila Rancangan Pengairan

Kerian dibuka bagi membantu penduduk dalam aktiviti penanaman padi. Pembukaan rancangan ini berjaya meningkatkan keluasan kawasan penanaman padi. Misalnya, pada tahun 1906, iaitu pada tahun pertama pembukaan rancangan pengairan, jumlah kawasan penanaman padi di Kerian berjumlah 31,090 ekar (*Annual Report on Social and Economic Progress of the People of Perak 1906*). Namun, selepas setahun rancangan pengairan dibuka, iaitu pada tahun 1907, daerah ini telah menyumbang sebanyak 30% sehingga 40% daripada penghasilan padi bagi NNMB dan sekaligus digelar sebagai “jelapang padi” NNMB (Short dan Jackson 1971). Jumlah keluasan penanaman padi di Kerian juga terus meningkat dan sehingga tahun 1911 misalnya, iaitu selepas lima tahun rancangan pengairan dibuka, jumlah keluasan penanaman padi adalah berjumlah 50,695 ekar iaitu meningkat sebanyak 19,605 ekar atau 63.1% (*Annual Report on Social and Economic Progress of the People of Perak 1911*).<sup>3</sup> Kedudukan Kerian sebagai daerah penanaman padi yang utama ini tidak pernah tergugat sekalipun dengan kemunculan getah sebagai tanaman komersil yang menguntungkan. Buktinya, menjelang berlakunya pendudukan Jepun pada tahun 1941, iaitu pada tahun 1939, jumlah keluasan penanaman padi di Kerian berjumlah 48,975 ekar. Berlaku kemerosotan sebanyak 1,720 ekar sahaja atau 3.39% sahaja (*Annual Report on Social and Economic Progress of the People of Perak 1939*) berbanding dengan tahun 1911. Perkembangan penanaman padi di Kerian ini disumbangkan sepenuhnya oleh penghijrahan masuk masyarakat Melayu dari Kedah, Pulau Pinang dan Seberang Perai khususnya dan tidak ketinggalan juga masyarakat Banjar (berasal dari Kepulauan Hindia Belanda) umumnya yang berterusan ke daerah tersebut.

### **MELAYU “ASING” SEBAGAI PENGGERAK PENANAMAN PADI DI KERIAN, 1874-1905**

Dalam membincangkan sumbangan para penghijrah Melayu, terutamanya dalam melengkapkan kerangka pentadbiran dan polisi pertanian yang menjadi amalan pentadbir British, peranan penghijrah Melayu dari STM kurang ditekankan berbanding penghijrah Melayu dari luar STM (Kepulauan Hindia Belanda). Di Kerian, penghijrahan Melayu “asing” (Pulau Pinang, Seberang Perai dan Kedah) memainkan peranan utama dalam pembangunan dan kemajuan daerah Kerian sebagai sebuah daerah penanaman padi yang penting di Perak. Hal ini kerana, di daerah Kerian, penghijrahan Melayu tempatan yang turut dianggap “asing” ini telah bermula sejak sebelum pentadbiran British dan berterusan berlaku semasa pentadbiran British. Perkara ini tidaklah menghairankan kerana campur tangan British di Perak secara kebetulannya seiring dengan penggunaan tanah di Seberang Perai yang telah pun mencapai tahap maksimum (Lim 1976; Jackson 1968; Khoo 1975). Namun, kebanyakan daripada penghijrah ini terdiri daripada *penghijrah sementara* iaitu mereka yang berulang alik ke daerah Kerian apabila

tibanya musim menanam padi. Pada tahun 1860 misalnya, populasi Melayu di daerah ini hanyalah berjumlah lebih kurang 200 orang. Namun, jumlah tersebut boleh meningkat kepada 700 hingga 800 orang apabila tibanya musim menanam padi ekoran *penghijrahan sementara* Melayu berketurunan Kedah yang menetap di Seberang Perai dan Pulau Pinang (*Penang Gazette 1860*, dipetik dari Khoo 1975). Jika dilihat kepada catatan itu, jumlah penanam padi yang *berhijrah secara sementara* (berulang-alik) ke daerah Kerian pada setiap kali musim menanam tiba adalah dua hingga tiga kali ganda lebih tinggi iaitu 500 hingga 600 orang atau 250%-300% lebih ramai berbanding petani padi yang tinggal menetap di Kerian.

Pada tahun 1861, jumlah populasi Melayu di Kerian adalah jauh lebih besar. Hal ini adalah berdasarkan kepada catatan W. T. Lewis yang merupakan salah seorang pentadbir British yang diberikan konsesi tanah di daerah Kerian oleh Sultan Perak pada tahun tersebut. Beliau menyatakan dalam tempoh 20 hari beliau berada di Kerian sebanyak 654 keluarga petani telah mendaftarkan tanah dengannya bagi mengusahakan tanaman padi. Beliau menjangkakan bahawa jumlah keluarga yang mendaftarkan tanah akan meningkat kepada 1,000 orang menjelang musim penanaman pada tahun tersebut dan tahun-tahun selepasnya (catatan W. T. Lewis dipetik dari Khoo 1975). Sekiranya sebuah keluarga Melayu hanya mempunyai tiga orang ahli (anggaran minimum), jumlah populasi Melayu di daerah tersebut sekurang-kurangnya adalah berjumlah 1,962 orang. Jumlah sebenar barangkali jauh lebih tinggi apabila tibanya musim menanam padi berdasarkan kepada jangkakan Lewis dalam catatannya.

Sememangnya sukar untuk menentukan jumlah sebenar populasi Melayu di daerah Kerian sama ada yang tinggal menetap mahupun sementara berdasarkan kepada angka-angka yang diperolehi daripada catatan-catatan itu. Namun perkara penting yang dapat disimpulkan daripada angka-angka yang diperolehi adalah kewujudan jumlah penduduk yang agak besar yang tinggal menetap di daerah Kerian menjelang berlakunya penjajahan British di Perak selain daripada *penghijrah sementara*. Bagi *penghijrah sementara*, sebaik sahaja hasil padi habis dituai, mereka akan kembali semula ke tempat asal di Seberang Perai ataupun Pulau Pinang. Jelasnya, daerah Kerian bukanlah suatu daerah yang asing kepada petani padi berketurunan Kedah yang menetap di Seberang Perai dan Pulau Pinang. Hal ini juga membuktikan jumlah populasi Melayu di daerah Kerian sebenarnya agak besar semasa bermulanya penjajahan British di Perak pada tahun 1874. Bahkan dalam usaha membersihkan hutan bagi membina jalan di Kerian misalnya, tidak sukar bagi pentadbiran British untuk memperoleh tenaga buruh bagi melaksanakan kerja-kerja ini. Buktinya, hampir 1,000 orang lelaki berjaya dikumpul untuk tujuan tersebut (Maxwell 1884). Perlu ditegaskan angka ini hanyalah jumlah tenaga buruh Melayu yang berjaya dikumpul untuk kerja-kerja awam sahaja. Maka, jumlah sebenar populasi Melayu di Kerian adalah jauh

lebih tinggi dan tidak keterlaluan untuk mengandaikan bahawa daerah Kerian pada tahun 1874 sudah pun mempunyai ribuan penduduk yang menetap di daerah itu.<sup>4</sup>

Walaupun Kerian merupakan daerah terawal yang dikenakan sewa atau cukai bagi hak pemilikan tanah berbanding daerah-daerah lain di Perak iaitu sejak tahun 1879, namun, penganan sewa tanah atau cukai itu sama sekali tidak menghalang penghijrahan masuk Melayu “asing” tempatan untuk berhijrah masuk ke Kerian dan mengusahakan penanaman padi. Hal ini dapat dilihat dari jumlah populasi Melayu di daerah ini yang majoriti Melayunya adalah Melayu “asing” terutamanya dari Pulau Pinang (walaupun tidak dinyatakan, Pulau Pinang yang dimaksudkan tentu sekali turut merangkumi wilayah yang telah lama berada di bawah pentadbiran British termasuk Seberang Perai), Kedah dan Patani (Lim 1976). Majoriti daripada Melayu “asing” di daerah utara Perak iaitu Kerian, Larut dan Selama ini adalah orang Melayu yang berasal dari Kedah dan terdapat kemasukan dalam jumlah yang sangat besar Melayu dari Kedah dan Perlis ke Kerian (Winstedt 1923; Sadka 1968).

Situasi berikutnya yang membuktikan berlakunya kemasukan penghijrah Melayu yang besar, dari Seberang Perai dan Pulau Pinang ke daerah Kerian khususnya dan Perak umumnya dapat dilihat daripada kerisauan W. E. Maxwell terhadap polisi tanah dan pelbagai galakan lain yang diamalkan oleh Residen Perak, Frank Swettenham. Pada tahun 1882 misalnya, Maxwell melihat pembukaan daerah-daerah baharu dan pengecualian cukai di Perak telah membawa kepada penghijrahan keluar populasi petani Melayu di Seberang Perai dan Pulau Pinang dalam jumlah yang besar. Situasi tersebut menimbulkan kerisauan kepada Maxwell kerana penghijrahan seperti ini akan memberi kesan terhadap nilai tanah dan keseimbangan jumlah populasi Melayu di kedua-dua wilayah yang telah lama menjadi jajahan British. Selain masyarakat Melayu Kedah yang kini menetap di Seberang Perai serta Pulau Pinang, pelbagai inisiatif yang diambil, misalnya, pengecualian cukai selama satu hingga tiga tahun turut berjaya menarik seramai 1,500 orang Melayu Kedah ke serata daerah di Perak (Lim 1976). Bahkan, masyarakat Melayu Kedah tidak teragak-agak untuk berhijrah bersama-sama dengan keluarga mereka dengan membawa keperluan yang sangat minimum untuk berhijrah ke Kerian kerana tertarik dengan kestabilan politik dan kesuburan tanah di daerah tersebut (Afifuddin 1986).

Lebih menarik lagi, terdapat dalam kalangan petani Melayu dari Kedah dan Seberang Perai yang berhijrah ke Kerian ini masih tidak melepaskan tanah mereka di Kedah dan Seberang Perai. Tanah-tanah di petempatan asal tersebut terus diusahakan dengan penanaman padi. Pembukaan tanah baharu di Kerian sebaliknya dijadikan sebagai tanah simpanan (Afifuddin 1986). Tanah simpanan di sini mungkin sahaja merujuk kepada petani padi dari Kedah ini sebenarnya



masih tinggal di Kedah dan hanya ke Kerian untuk mengusahakan padi sahaja (Sharom Ahmat 1970). Tambahan pula musim menanam dan menuai padi adalah tidak sama di Kerian dan Kedah (Hill 1977). Hal ini memberi peluang kepada petani padi dari Kedah untuk terlibat dalam penanaman padi di Kerian setelah usai penanaman padi mereka di Kedah.

Seterusnya, terdapat juga golongan penghijrah ke Kerian mengambil tanah di luar kemampuan mereka supaya tanah tersebut dapat disewakan kepada penghijrah baharu pada tahun-tahun berikutnya. Golongan pemilik tanah yang merupakan penghijrah awal juga akan membantu penghijrah baharu (juga dari Seberang Perai dan Kedah) dengan memberikan sejumlah wang pendahuluan bagi menampung perbelanjaan penghijrah baharu mengusahakan tanah milik mereka. Kemudian, sebaik sahaja hasil padi dituai, penghijrah baharu akan menjelaskan bayaran pendahuluan dan juga sewa ke atas tanah yang diusahakan dalam bentuk hasil padi (Gullick 1989). Kaedah menggunakan padi sebagai bayaran untuk menjelaskan bayaran pendahuluan dan sewa tanah ini turut dikenali sebagai padi *kuncha* dalam kalangan masyarakat Melayu. Bagi setiap ekar tanah, hasil padi yang perlu dijelaskan mengikut kaedah padi *kuncha* berjumlah 120 gantang untuk satu relong tanah dan 160 gantang untuk satu ekar tanah (Lim 1976). Amalan padi *kuncha* ini membuktikan bahawa masyarakat penghijrah tempatan ini mempunyai suatu sistem yang tersendiri dalam penanaman padi yang diamalkan mereka. Amalan tradisi masyarakat Melayu ini merupakan salah satu faktor yang merancakkan lagi pembukaan tanah baharu untuk penanaman padi di Kerian.

## **FAKTOR PENGHIJRAHAN KELUAR MASYARAKAT MELAYU KEDAH**

Penjajahan British di Perak, adalah seiring dengan keadaan di Kedah yang sedang mencapai kemuncak dalam penggunaan tanahnya untuk kegiatan pertanian. Hal ini kerana, berbanding Perak yang masih lagi bergantung kepada ekonomi perdagangan terutamanya eksport bijih timahya, Kedah telahpun beralih kepada ekonomi pertanian pada suku terakhir kurun ke-18. Pada tempoh ini, berlaku perkembangan pesat dalam ekonomi pertanian negeri Kedah dan ekonomi ini mula berperanan sebagai teras utama kepada pembangunan ekonomi Kedah (Azman 2013, 135). Negeri Kedah telah pun mula memperdagangkan hasil padinya sejak kurun ke-16 lagi. Namun hasil pengeluaran padi semakin banyak diperdagangkan pada kurun ke-18 iaitu selepas pembukaan Pulau Pinang kerana padi merupakan eksport utama Kedah ke Pulau Pinang bagi kegunaan penduduk di Pulau Pinang yang semakin bertambah dengan pesat. Lebih daripada hasil eksport pengeluaran padi itu pula bukan sahaja dieksport ke Negeri-negeri Selat yang lain tetapi juga turut dieksport ke negara luar seperti China (Afifuddin 1986; Azman 2013).

Perkembangan pesat dalam kegiatan pertanian padi ini menjadikan tanah-tanah yang subur dan sesuai untuk aktiviti pertanian padi iaitu tanah yang berada di kawasan-kawasan yang berhampiran dengan sumber air sama ada laut dan sungai telah pun diteroka dan diusahakan sepenuhnya. Ekoran keseluruhan tanah-tanah yang subur tersebut telah diteroka, pemerintah Kedah mula membina sistem pengairan bagi menjadikan kawasan tanah-tanah paya yang belum diteroka dan diusahakan itu sesuai untuk penanaman padi. Perkembangan ini menunjukkan bahawa penggunaan tanah di Kedah telah mencapai kemuncaknya dan terpaksa bergantung kepada tebus guna tanah paya bagi merancakkan lagi perkembangan pertanian terutamanya penanaman padi. Justeru itu, bagi membantu penanaman padi dan meningkatkan lagi jumlah keluasan penanaman padi, sistem pengairan atau terusan yang pertama mula dibina di Kedah sejak kurun ke-17 lagi. Pada kurun ke-18, terusan kedua dan ketiga pula dibina. Kesannya, menjelang penaklukan Siam ke atas Kedah pada tahun 1821, seluruh kawasan timur daerah Kubang Pasu serta kawasan utara daerah Kota Setar telah ditebus guna untuk tujuan pertanian khususnya untuk kegiatan penanaman padi (Azman 2013; Afifuddin 1986).

Pada suku akhir kurun ke-19 pula, Perdana Menteri Kedah pada ketika itu iaitu Wan Muhammad Saman telah membina satu lagi terusan dari utara ke selatan yang menghubungkan pekan Guar Chempedak dengan Alor Setar. Terusan yang menelan belanja sejumlah \$250,000 dalam mata wang Negeri-negeri Selat berjaya disiapkan sepenuhnya pada tahun 1895. Terusan ini berukuran 35 kilometer panjang, tujuh meter lebar dan jumlah kedalamannya pula adalah 1.5 meter. Pembinaan terusan oleh Wan Muhammad Saman ini merupakan suatu kejayaan besar dalam membantu penanaman padi kerana pembinaan terusan ini telah mengubah kawasan berpaya menjadi sebuah kawasan luas yang sesuai untuk kegiatan penanaman padi. Hal ini menarik minat ramai peneroka untuk mengusahakan penanaman padi di kawasan yang baharu dibuka itu. Kesannya, berlakulah pertambahan dalam keluasan kawasan penanaman padi sebaik sahaja selesainya pembinaan terusan itu. Kejayaan besar terusan Wan Muhammad Saman ini telah mendorong pembesar-pembesar Kedah yang lain berusaha membina lebih banyak terusan di Kedah kemudiannya. Tujuannya, selain daripada membantu menambah keluasan penanaman padi, pembinaan terusan juga membolehkan pembesar-pembesar Kedah menerima “ampun kurnia” sebahagian daripada tanah yang dilengkapi dengan kemudahan terusan (Azman 2013).<sup>5</sup> Penerimaan tanah di bawah “ampun kurnia” ini secara tidak langsung membantu memperbesar lingkungan pengaruh pembesar-pembesar terlibat ke atas daerah-daerah baharu (Afifuddin 1986). Hal ini mendorong pembesar-pembesar Kedah terus berusaha menyediakan kemudahan terusan ini. Hasil daripada pertambahan dalam jumlah terusan yang dibina ini menyebabkan banyakkah tanah baharu dibuka dan diusahakan dengan tanaman padi. Dengan pembinaan terusan-terusan itu juga, dikatakan menjelang bertukarnya kedaulatan

Kedah dari Siam kepada British pada tahun 1909, hanya beberapa kelompok tanah paya yang terpencil sahaja yang belum lagi ditebus guna iaitu yang terletak di bahagian tengah Kubang Pasu dan Perlis selatan (Azman 2013).<sup>6</sup>

Perkembangan pesat dalam penanaman padi di Kedah menyebabkan petani-petani di Kedah terpaksa menanggung beban pertambahan kos pemilikan tanah. Hal ini kerana, perkembangan pesat dalam penanaman padi telah menjadikan tanah untuk diusahakan semakin mengecil dengan petani juga perlu membayar harga yang tinggi untuk memiliki tanah kerana pembinaan terusan menelan biaya yang tinggi. Bagi tanah yang diairi oleh terusan yang dibina Wan Muhammad Saman misalnya, bayaran premium tanah yang dikenakan adalah berjumlah \$3 serelung (0.71 ekar) dan jumlah sewa tahunan yang dikenakan pula berjumlah \$0.50 serelung (0.71 ekar) (Azman 1986). Jumlah premium dan sewa tahunan yang dikenakan bagi pemilikan tanah di Kedah ini adalah lebih tinggi berbanding dengan jumlah premium dan sewa tahunan bagi pemilikan tanah di Perak. Hal ini kerana, walaupun pentadbiran British di Perak mengenakan jumlah premium yang sama seperti jumlah premium yang dikenakan ke atas tanah di Kedah, jumlah keluasan tanah bagi jumlah premium yang sama adalah jauh lebih luas di Perak berbanding Kedah. Buktinya, sukatan *ekar* digunakan ke atas tanah di Perak, manakala Kedah pula menggunakan sukatan *relung* (1 Relung = 0.71 ekar) (*General Land Regulations 1885* dalam Lim 1976).

Faktor yang mendorong kepada penghijrahan keluar rakyat Kedah juga adalah sistem kerah, sistem perhambaan serta hamba ikatan hutang. Sistem kerah umpamanya, membolehkan para pembesar dan ketua-ketua tempatan memperoleh tenaga buruh dengan mudah dan murah sama ada untuk kerja-kerja awam mahupun persendirian. Namun, sistem ini seringkali disalahgunakan oleh pembesar-pembesar untuk kegunaan peribadi kerana mereka juga mempunyai tanah pertanian yang luas. Misalnya pada tahun 1859, sebuah akhbar di Singapura membuat kritikan tentang penyalahgunaan kuasa oleh seorang kerabat diraja Kedah (Tunku Ibrahim) yang menggunakan sistem kerah untuk kepentingan peribadinya. Petani telah diminta untuk membersihkan tanah, menanam kelapa dan menuai padi ditanah miliknya. Tunku Ibrahim tersebut dikatakan mempunyai 400 relung (284 ekar) tanah sawah padi (Azman 2013).<sup>7</sup> Bukti lain berlakunya penyalahgunaan sistem kerah yang berlaku di bawah pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Syah III (mm. 1854-1879) juga dapat dilihat daripada tuntutan penduduk di daerah Yan agar Sultan Ahmad Tajuddin memberikan hak yang lebih kepada mereka melalui pengurangan eksploitasi sistem kerah. Penduduk di daerah Yan ini juga turut menuntut agar diberikan lebih kuasa ke atas tanah yang diterokai. Seandainya tuntutan-tuntutan itu tidak dipenuhi, mereka mengugut untuk berhijrah ke Seberang Perai yang berada di bawah pentadbiran British (Azman 2013).<sup>8</sup> Hal-hal tersebut mendedahkan masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk Kedah yang rata-

ratanya petani padi ekoran sistem sosial yang menekan tersebut. Justeru itu, tidak hairanlah terdapat dalam kalangan petani padi yang berhijrah ke Seberang Perai sama ada disebabkan oleh masalah tanah yang semakin terhad dan mahal mahupun kerana sistem sosial yang tidak disukai oleh petani terbabit. Bahkan ugutan oleh penduduk yang diberi perhatian oleh baginda membuktikan bahawa terdapat dalam kalangan penduduk di Yan yang melarikan diri atau berhijrah ke Seberang Perai. Oleh yang demikian, untuk mengelakkan penghijrahan keluar secara berterusan penduduk Yan dan daerah-daerah lain di Kedah, Sultan Ahmad Tajuddin bersetuju memperkenankan perkara-perkara yang dituntut oleh rakyat Kedah terbabit. Buktinya, rakyat diberikan hak penggunaan tanah mengikut ukuran baharu yang lebih sistematik dan sistem kerah dikembalikan kepada kepada keadaan asal iaitu hanya raja sahaja yang boleh menggunakan sistem ini untuk tujuan tenaga buruh (Azman 2013).

Namun, eksploitasi ke atas golongan petani melalui sistem kerah ini tidak terhenti setakat itu sahaja. Sebaliknya, eksploitasi sistem kerah ke atas golongan petani oleh golongan pembesar masih lagi berlaku. Misalnya, pada tahun 1880-an, terdapat dua lagi kejadian yang menimbulkan kebimbangan besar dalam kalangan kelas yang memerintah. Pertama, sekumpulan 60 buah keluarga berpindah ke Dinding, Perak. Kedua, sekumpulan petani dari Yan telah memutuskan untuk berpindah dari daerah itu ke kawasan yang berdekatan di selatan. Bahkan, pembinaan terusan oleh Wan Muhammad Saman yang menjadi kebanggaan Kedah dalam membantu meningkatkan keluasan penanaman padi di Kedah juga turut mencatatkan sejarah hitamnya yang tersendiri terhadap golongan petani ekoran penggunaan sistem kerah bagi mendapatkan tenaga buruh secara mudah dan murah. Afifuddin misalnya menyatakan bahawa, terdapat sejumlah petani yang terlepas dari sistem ini melarikan diri ke Seberang Perai dan daerah-daerah lain di Selatan termasuk daerah Kerian, Perak (Afifuddin 1986).

Namun, berbanding faktor sosiopolitik ini, faktor ekonomi merupakan faktor yang paling dominan dalam menggerakkan penghijrahan keluar masyarakat Melayu Kedah ke Kerian pada suku akhir abad ke-19. Hal ini kerana, di pihak Sultan Kedah, baginda sentiasa mengambil berat akan penyelewengan sistem kerah ini bagi mengelakkan penghijrahan keluar berterusan rakyatnya. Sultan Abdul Hamid misalnya, telah campur tangan bagi menangani penyelewengan dan penindasan berterusan ke atas rakyatnya melalui sistem kerah ini. Pada tahun 8 Mac 1890 misalnya, Pejabat Sultan mengeluarkan satu senarai nama mukim di daerah Kota Setar yang dikecualikan daripada kerahan pada musim menuai tahun tersebut bagi membolehkan rakyat mengusahakan tanaman mereka. Seterusnya pada tahun 1897 pula, terdapat tuan tanah yang disiasat kerana telah mengeluarkan arahan kerah ke atas petani yang telah pun menjelaskan sewa tanah. Seterusnya pada tahun 1905, Sultan Abdul Hamid juga telah membatalkan

arahan kerah ke atas petani untuk memasang tiang telegraf setelah menerima petisyen daripada 50 orang petani (Mahani 2012).

Manakala di Seberang Perai pula, penggunaan tanah telah pun mencapai kemuncaknya menjelang pentadbiran British di Perak. Oleh itu, masyarakat Melayu Kedah yang berhijrah ke Seberang Perai sebelumnya, berhijrah pula ke Perak. Tambahan pula, tanah mampu diperoleh dengan mudah dan murah di Kerian dan daerah-daerah lain di Perak di bawah pentadbiran British kemudiannya. Namun, daerah Kerian sudah tentu lebih menarik perhatian rakyat Kedah kerana kedudukan geografi Kerian yang berdekatan dengan Kedah, Seberang Perai dan Pulau Pinang. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa penghijrahan masyarakat Melayu berketurunan Kedah ke daerah Kerian semasa pentadbiran British ini boleh dibahagikan kepada dua cara. Pertama, dari Kedah ke Seberang Perai dan Pulau Pinang. Kemudian dari sini, mereka berhijrah pula ke Kerian. Kedua pula adalah secara langsung dari Kedah ke Kerian.

Melihat kepada penghijrahan masyarakat Melayu berketurunan Kedah yang semakin rancak berlaku di daerah Kerian, maka tidak hairanlah daerah Kerian khususnya dalam tempoh 11 tahun sahaja mengalami pertumbuhan mendadak dalam jumlah populasi masyarakat Melayunya. Hal ini dapat dilihat daripada jumlah peningkatan populasi masyarakat Melayu mengikut daerah-daerah di Perak di antara tahun 1879 dan 1890 seperti yang tercatat dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Peningkatan Masyarakat Melayu Mengikut Daerah di Perak, 1879 dan 1890

<i>Daerah</i>	<i>1879</i>	<i>1890</i>	<i>Jumlah Peningkatan</i>
Perak Bawah (Hilir Perak)	13,654	21,660	8,006
Batang Padang	2,304	7,339	5,035
Kuala Kangsar dan Perak Atas (Hulu Perak)	19,420	26,945	7,525
Kinta	7,863	14,472	6,609
Larut	7,671	12,732	5,061
<b>Krian dan Kurau</b>	<b>6,852</b>	<b>14,223</b>	<b>7,371</b>
Selama	1,918	3,296	1,378
<b>Jumlah</b>	<b>59,682</b>	<b>100,667</b>	<b>40,985</b>

Sumber: Sadka (1968); *Annual Report on Social and Economic Progress of the People of Perak 1890*.

Berdasarkan kepada Jadual 1 di atas, semua daerah di Perak mengalami peningkatan dalam jumlah populasi penduduk Melayunya dalam tempoh dua belas tahun tersebut iaitu di antara tahun 1879 dan 1890. Pada tahun 1879, jumlah populasi penduduk Melayu bagi daerah-daerah di Perak adalah berjumlah 59,682 orang. Namun pada tahun 1890, jumlah populasi penduduk Melayu di Perak telah meningkat kepada 100,667 orang iaitu mengalami peningkatan seramai 40,985 orang atau 68.7% berbanding tahun 1879. Bagi daerah Kerian termasuk Kurau sahaja, populasi masyarakat Melayu telah meningkat seramai 7,371 orang. Sememangnya dari segi jumlah, peningkatan populasi masyarakat Melayu di daerah Kerian dan Kurau adalah rendah berbanding daerah Perak Bawah (Hilir Perak) yang jumlah peningkatan populasi masyarakat Melayunya adalah berjumlah 8,006 orang untuk tempoh yang sama. Namun, peratus peningkatan populasi masyarakat Melayu bagi daerah Kerian adalah jauh lebih tinggi berbanding peratus peningkatan populasi masyarakat Melayu Perak Bawah (Hilir Perak) iaitu masing-masing berjumlah 107.6% dan 58.6%.

Berdasarkan kepada Jadual 1 itu juga, jumlah populasi masyarakat Melayu di Kuala Kangsar dan Perak Atas (Hulu Perak) adalah yang tertinggi berbanding daerah-daerah lain di Perak untuk sepanjang tempoh yang dibincangkan. Namun, jumlah populasi masyarakat Melayu yang paling tinggi di daerah itu pun masih tidak mampu untuk mengatasi jumlah peningkatan dalam populasi masyarakat Melayu di Kerian dan Kurau yang sebenarnya adalah jauh lebih tinggi dari segi jumlah dan peratus peningkatannya. Misalnya, jumlah dan peratus peningkatan populasi masyarakat Melayu di Kuala Kangsar dan Perak Atas (Hulu Perak) masing-masing hanyalah berjumlah 7,525 dan 38.7% sahaja. Hal ini membuktikan penghijrahan masuk masyarakat Melayu adalah jauh lebih tinggi di daerah Kerian berbanding daerah-daerah lain di Perak. Sadka juga misalnya, menyatakan bahawa pada tahun 1879 sahaja, lima daripada enam populasi masyarakat Melayu di daerah Kerian adalah merupakan Melayu "*asing*" yang lahir dari luar daerah itu. Sadka tidak memberikan definisi kepada Melayu "*asing*" yang digunakan beliau. Namun, berdasarkan kepada perbincangan beliau, Melayu "*asing*" yang digunakan turut merujuk kepada Melayu yang berasal dari luar Kerian, namun masih berasal dari Negeri-Negeri Semenanjung iaitu dari Kedah, Pulau Pinang dan Seberang Perai. Beliau misalnya menyatakan, hampir keseluruhan populasi masyarakat Melayu yang tinggal menetap di Kerian berasal dari luar Kerian dan majoritinya adalah dari Seberang Perai dan Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. Namun, terdapat juga masyarakat Melayu dari Kelantan yang turut berhijrah masuk ke daerah tersebut (Sadka 1968). Oleh itu, Melayu "*asing*" dari Semenanjung adalah golongan terawal yang berhijrah ke Kerian dan membangunkan Kerian. Sungguhpun tidak dinafikan terdapat masyarakat Melayu, seperti Banjar yang berhijrah dari luar Semenanjung ke Kerian, jumlahnya adalah kecil jika dibandingkan dengan penghijrahan dari negeri-negeri dalam Semenanjung sendiri yang telah lama sebelum penjajahan British.

Masyarakat Banjar ini juga muncul dalam rekod British hanya pada tahun 1891 apabila pentadbiran British mula melihat penghijrah Banjar ini sebagai petani padi yang cekap dalam usahanya menggalakkan lagi perkembangan penanaman padi (CO 438/1-2, *Annual Report on Social and Economic Progress of the People of Perak 1891*). Manakala laporan banci pula hanya membezakan masyarakat Banjar dengan masyarakat Melayu yang berasal dari STM hanya pada tahun 1911 (Pountney 1911).

Walaupun daerah Kerian sejak dari awal penjajahan British telah pun dikenakan kadar premium dan sewa yang masing-masing berjumlah \$3.00 dan \$0.40 sen bagi setiap ekar tanah yang diusahakan untuk penanaman padi iaitu sejak tahun 1879, pengenaan sewa tanah dan premium itu sama sekali tidak menghalang masyarakat Melayu berketurunan Kedah ini untuk berhijrah masuk ke daerah tersebut. Hal ini kerana selain kesuburan tanahnya untuk aktiviti pertanian terutamanya penanaman padi, jumlah premium dan sewa tahunan yang dikenakan itu adalah jauh lebih rendah dan masih lagi berada di tahap sederhana jika dibandingkan dengan Negeri-Negeri Selat (Pulau Pinang termasuk Seberang Perai, Melaka dan Singapura). Misalnya di Seberang Perai, yang keadaan cuaca dan kualiti tanahnya sama seperti di Kerian, sewa dan kadar premiumnya adalah jauh lebih tinggi. Petani dikehendaki membayar sebanyak \$0.30 sehingga \$0.40 untuk sewa dan \$14.50 pula untuk premium (Lim 1976). Kadar sewa dan premium yang jauh lebih rendah ini ternyata telah menarik minat penduduk dan masyarakat Melayu yang berada di Pulau Pinang dan Seberang Perai serta Kedah untuk berhijrah ke Kerian.

Inisiatif pentadbir British seperti pengasingan tanah untuk aktiviti pertanian terutamanya untuk aktiviti penanaman padi, penyediaan kemudahan infrastruktur dan jaringan perhubungan seperti pembinaan jalan-jalan utama untuk menghubungkan kampung-kampung yang semakin bertambah di Bagan Tiang, Tanjung Piandang, Kurau dan Bagan Serai juga memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya dalam perkembangan penanaman padi di Kerian (Lim 1976; Short dan Jackson 1971). Sehingga tahun 1891 misalnya, panjang jalan darat yang dibina di Kerian adalah berjumlah 66 batu (jalan tidak berturap) dan tujuh batu adalah lorong (*bridle roads*).<sup>9</sup> Namun, kemudahan infrastruktur seperti jalan utama hanya dibina apabila sesebuah kawasan atau kampung-kampung semakin berkembang ekoran pertambahan dalam jumlah populasi penduduk.

Walau bagaimanapun, adalah tidak dinafikan bahawa inisiatif pentadbir British semasa penjajahan turut menyumbang kepada pertambahan dalam jumlah penghijrahan masuk Melayu “asing” tersebut. Pelbagai pembaharuan yang dilaksanakan oleh pentadbiran British ini terutamanya hak pemilikan tanah yang mudah dan murah, jumlah premium dan sewa tanah yang rendah serta penyediaan kemudahan infrastruktur seperti jalan perhubungan sememangnya

telah menyumbang kepada kerancakan penghijrahan masuk masyarakat Melayu “asing” dari negeri-negeri berdekatan ke Kerian untuk mengusahakan penanaman padi.

### **KELANGSUNGAN PENGHIJRAHAN MELAYU DARI NEGERI-NEGERI SEMENANJUNG TANAH MELAYU KE KERIAN, 1906-1941**

Selain kejayaan getah sebagai tanaman komersial yang menguntungkan, galakan pentadbir British dalam penanaman padi juga merupakan faktor penting yang mendorong kepada peningkatan populasi penduduk Melayu di Perak khususnya dan NNMB yang lain umumnya. Usaha British ini telah menyumbang kepada kemasukan masyarakat Melayu, khususnya dari Kepulauan Hindia Belanda ke Semenanjung dalam jumlah yang besar pada dekad kedua kurun ke-20. Hal ini menjadikan kemasukan penghijrah Melayu dari Kepulauan Hindia Belanda, seperti masyarakat Jawa, Banjar dan Sumatera sebagai suatu fenomena di Semenanjung pada dekad kedua kurun ke-20 hasil daripada kewujudan peluang-peluang ekonomi di bawah British (Tunku Shamsul Bahrin 1966).

Sebelum tahun 1900 misalnya, jumlah penghijrah Melayu dari Kepulauan Hindia Belanda yang baharu tiba mengikut tahun pertama ketibaan mereka di NNMB hanyalah berjumlah 3,369 orang atau 3.8% daripada jumlah keseluruhan jumlah penghijrah yang baharu tiba sehingga tahun 1940. Namun, penghijrah baharu masyarakat Melayu dari Kepulauan Hindia Belanda yang baharu tiba NNMB semakin meningkat bermula awal kurun ke-20. Pada tempoh sepuluh tahun pertama kurun ke-20 misalnya, jumlah penghijrah masyarakat Melayu dari Kepulauan Hindia Belanda yang baharu tiba NNMB berjumlah 9,931 orang atau 11.2% daripada jumlah keseluruhan penghijrah yang baharu tiba di NNMB sehingga tahun 1940. Pada dekad kedua kurun ke-20 pula, jumlah penghijrah baharu yang tiba di NNMB meningkat kepada 26,247 orang atau 29.6% daripada jumlah keseluruhan penghijrah baharu yang tiba di NNMB sehingga tahun 1940. Seterusnya, pada dekad ketiga kurun ke-20, NNMB menerima penghijrah baharu masyarakat Melayu dari Kepulauan Hindia Belanda sebanyak 27,472 orang atau 31% daripada jumlah keseluruhan penghijrah yang baharu tiba sehingga tahun 1940. Manakala pada dekad keempat kurun ke-20 pula, jumlah penghijrah baharu yang tiba di NNMB adalah seramai 21,726 orang atau 24.5% dari jumlah keseluruhan populasi penghijrah baharu di NNMB sehingga tahun 1940 (Tunku Shamsul Bahrin 1966). Maka bermula kurun ke-20, jumlah penghijrah Melayu Kepulauan Hindia Belanda ini semakin meningkat dengan jumlah yang agak besar dan mencapai kemuncaknya pada dekad ketiga kurun ke-20 ekoran pembangunan dan pertumbuhan industri getah yang mencapai kemuncaknya pada



dekad ini serta galakan dalam penanaman padi (Vlieland 1931; Tunku Shamsul Bahrin 1966).<sup>10</sup>

Berdasarkan kepada perkembangan di atas, tidak hairanlah penghijrahan masyarakat Melayu dari Kepulauan Hindia Belanda termasuklah masyarakat Banjar di Perak juga semakin signifikan pada awal kurun ke-20 iaitu selepas pembukaan Rancangan Pengairan Kerian pada tahun 1906 bagi membantu penanaman padi penduduk. Hal ini dapat dilihat daripada jumlah populasi masyarakat Melayu yang berasal dari Kepulauan Hindia Belanda tersebut yang dilahirkan di petempatan asalnya di Banjarmasin tetapi menetap di Perak pada tahun 1921 hingga tahun 1947.<sup>11</sup>

Namun, hal ini tidaklah bermakna penghijrahan masuk masyarakat Melayu khususnya dari Pulau Pinang termasuk Seberang Perai dan Kedah ke Perak umumnya dan Kerian khususnya yang telah berlaku sejak sebelum penjajahan British terus terhenti. Sebaliknya, penghijrahan masuk Melayu dari negeri-negeri yang terletak di Utara Perak masih lagi terus berlaku. Hal ini dapat dilihat daripada jumlah populasi masyarakat Melayu yang dilahirkan di Pulau Pinang dan Seberang Perai serta Kedah yang memilih untuk menetap di Perak untuk tempoh masa yang dibincangkan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Masyarakat Melayu yang dilahirkan di Pulau Pinang dan Seberang Perai serta Kedah (termasuk Perlis) di Perak, 1921 hingga 1947

Negeri	1921	1931	1947
Pulau Pinang dan Seberang Perai	13,882	12,926	6,835
Kedah (termasuk Perlis)	5,999	6,452	3,885
Jumlah	19,881	19,378	10,690

Sumber: Dipetik daripada Nathan (1921); Vlieland (1931); Del Tufo (1947).

Berdasarkan kepada Jadual 2 di atas, dapat disimpulkan bahawa masih terdapat sejumlah besar masyarakat Melayu dari Pulau Pinang dan Seberang Perai serta Kedah yang terus berhijrah ke Perak untuk tempoh masa separuh pertama kurun ke-20. Pada tahun 1921 misalnya, jumlah populasi masyarakat Melayu yang dilahirkan di Pulau Pinang dan Seberang Perai serta Kedah tetapi menetap di Perak adalah berjumlah 19,881 orang. Pada tahun 1931 pula, jumlah populasi masyarakat Melayu yang dilahirkan di Pulau Pinang dan Seberang Perai serta Kedah tetapi menetap di Perak adalah berjumlah 19,378 orang. Maka pada tahun

1931 berbanding tahun 1921, jumlah populasi masyarakat Melayu yang dilahirkan di Pulau Pinang dan Seberang Perai serta Kedah yang menetap di Perak telah menurun sedikit sebanyak 503 orang atau 2.5%.

Seterusnya pada tahun 1947 pula, jumlah populasi masyarakat Melayu yang dilahirkan di Pulau Pinang dan Seberang Perai termasuk Kedah yang menetap di Perak adalah berjumlah 10,690 orang. Hal ini membuktikan berlakunya kemerosotan dalam jumlah yang besar bagi populasi masyarakat Melayu yang dilahirkan di Pulau Pinang dan Seberang Perai serta Kedah yang menetap di Perak pada tahun 1947 berbanding dengan tahun 1931 iaitu merosot sebanyak 8,688 orang atau 44.83%. Kemerosotan penghijrahan dalaman masyarakat Melayu ke Kerian selepas tahun 1931 ini disebabkan oleh kemerosotan harga beras ke tahap terendah dan berterusan kekal rendah selepas tahun 1930. Pada tahun 1931, harga segantang padi yang dibeli oleh syarikat pengilang hanyalah sekitar \$0.05 hingga \$0.09 (CO 483/4-5, *Annual Report on Social and Economic Progress of the People of Perak, 1931*). Harga untuk segantang padi ini tidak pernah melebihi \$0.09 selepas tahun 1930 (Lim 1977). Tambahan pula, petani padi ini biasanya menjual padi mereka kepada syarikat pengilang melalui orang tengah yang lazimnya membeli padi dengan harga yang lebih rendah berbanding harga pasaran (Khoo 1987). Oleh itu, pendapatan yang diterima petani padi daripada penjualan padi adalah lebih rendah berbanding dengan harga pasaran. Misalnya, pada tahun 1939, akhbar *The Straits Times* melaporkan bahawa pendapatan kasar bagi tiga ekar tanah yang ditanam padi adalah \$45 sahaja (*The Straits Times*, dipetik daripada Kratoska 1982)


Situasi ini mempengaruhi penghijrahan baharu masyarakat Melayu dari Pulau Pinang dan Seberang Perai serta Kedah selepas tahun 1931. Hal ini dapat dilihat daripada kemerosotan yang ketara dalam jumlah penghijrah baharu masyarakat dari Pulau Pinang dan Seberang Perai serta Kedah iaitu pada tahun 1947 berbanding tahun 1931. Namun, Pendudukan Jepun juga tidak seharusnya diabaikan dalam menjustifikasikan kemerosotan dalam jumlah penghijrahan masuk masyarakat Melayu dari negeri-negeri di Utara Perak itu ke Perak khususnya daerah Kerian. Pendudukan Jepun tidak menggalakkan berlakunya penghijrahan masuk ke Kerian tetapi dalam masa yang sama turut mendorong kepada berlakunya penghijrahan keluar penduduk. Bahkan, pendudukan Jepun juga menyebabkan kemusnahan harta dan nyawa (deI Tufo 1949). Hal ini menjelaskan sebab berlakunya kemerosotan dalam jumlah penghijrah untuk tahun selepas 1931 hingga tahun 1947.<sup>12</sup>

Daripada jumlah keseluruhan populasi masyarakat Melayu yang dilahirkan di Pulau Pinang dan Seberang Perai serta Kedah yang berhijrah ke Perak juga, terdapat dalam kalangan penghijrah ini yang berhijrah secara sementara sahaja iaitu secara bermusim ke Perak. Misalnya pada tahun 1931, terdapat lebih 4,700

orang penghijrah secara sementara atau bermusim yang berasal dari Pulau Pinang dan Seberang Perai ini di Perak. Mereka ini digelar sebagai *penghijrah sementara* atau bermusim kerana tidak menjadikan Perak sebagai petempatan kekal mereka. Sebaliknya penghijrah-penghijrah ini hanya berhijrah semasa musim menanam dan menuai padi pada setiap tahun. Sebaik sahaja musim menanam dan menuai padi berakhir, penghijrah dari Pulau Pinang dan Seberang Perai ini akan kembali semula ke petempatan asal mereka di Pulau Pinang mahupun Seberang Perai (Vlieland 1931).

Sungguhpun terdapat dalam kalangan penghijrah ini yang berhijrah secara *sementara* atau *bermusim* iaitu hanya pada musim penanaman padi, penghijrahan untuk tinggal menetap juga masih berlaku. Bahkan jumlah penghijrah yang berhijrah untuk tinggal menetap adalah jauh lebih tinggi berbanding penghijrah *bermusim*. Pada tahun 1931 misalnya, jumlah populasi masyarakat Melayu yang dilahirkan di Pulau Pinang dan Seberang Perai yang tinggal menetap di Perak adalah berjumlah 12,926 orang. Daripada jumlah tersebut, hanya 4,700 orang atau 36.36% daripadanya adalah *penghijrah sementara* (Vlieland 1931). Selebihnya pula, iaitu 8,226 orang atau 63.64% lagi merupakan penghijrah yang tinggal menetap di Perak. Hal ini bermaksud, jumlah penghijrah yang tinggal menetap adalah dua kali ganda lebih ramai berbanding *penghijrah sementara*.

Sememangnya data daripada banci itu tidak menunjukkan secara terperinci taburan populasi masyarakat Melayu yang dilahirkan di Pulau Pinang dan Seberang Perai serta Kedah di serata daerah di Perak.<sup>13</sup> Namun laporan banci tersebut menyatakan bahawa pola penghijrahan masyarakat Melayu bagi negeri-negeri Melayu Semenanjung adalah berhijrah tidak terlalu jauh daripada tempat asal mereka iaitu hanya beberapa batu sahaja daripada sempadan negeri asal masing-masing (Nathan 1921). Hal ini membuktikan bahawa Kerian merupakan antara destinasi utama yang menjadi pilihan kepada para penghijrah masyarakat Melayu dari Pulau Pinang dan Seberang Perai serta Kedah ini. Hal ini adalah kerana kedudukan geografi Kerian adalah bersempadan dengan Pulau Pinang dan Seberang Perai serta Kedah seperti dalam Rajah 1 di bawah:



Rajah 1: Kerian dan negeri yang bersempadan dengannya (<http://www.citypopulation.de/php/malaysia>).

Berdasarkan kepada Rajah 1 di atas, dapat dilihat bahawa, kedudukan geografi Kerian yang berdekatan dengan Pulau Pinang, Seberang Perai dan Kedah. Oleh itu, Kerian sudah pasti menjadi pilihan utama untuk dijadikan petempatan baharu oleh penghijrah-penghijrah masyarakat Melayu yang berasal dari Pulau Pinang dan Seberang Perai serta Kedah.

Tambahan pula, daerah Kerian sememangnya telah lama menjadi tumpuan para petani terutamanya daripada Pulau Pinang dan Seberang Perai serta Kedah yang berhijrah sama ada untuk tinggal menetap atau *sementara* pada setiap kali musim penanaman padi ke Kerian sejak sebelum pentadbiran British lagi. Hal ini kerana, kedudukan Kerian bukanlah asing bagi masyarakat Melayu berketurunan Kedah, Pulau Pinang dan Seberang Perai apabila Kedah diarahkan untuk menyerang

Perak oleh Siam pada tahun 1816 dan Kerian telah dijadikan pengkalan tentera Kedah selama dua tahun sebelum Kedah akhirnya berjaya menawan Perak pada tahun 1818 (Siti Noor Hafizah 2020). Maka, penghijrahan masyarakat Melayu dari negeri-negeri tersebut ke Kerian yang telah lama berlaku, iaitu sekurang-kurangnya sejak awal kurun ke-19 telah mengukuhkan lagi andaian bahawa Kerian yang terletak di utara Perak masih lagi menjadi tumpuan utama kepada penghijrahan masyarakat Melayu dari negeri-negeri berkenaan pada dekad pertama sehingga dekad keempat kurun ke-20 sekalipun laporan banci untuk tahun 1921 dan tahun 1931 tidak menunjukkan secara terperinci taburan populasi masyarakat Melayu yang dilahirkan di Pulau Pinang dan Seberang Perai serta Kedah di serata daerah di Perak.

Amalan penghijrahan dalaman *sementara* Melayu berketurunan Kedah di Kerian pada setiap kali tibanya musim penanaman padi ini sebenarnya turut berkait rapat dengan amalan “*berderau*” atau “gotong royong” yang diamalkan oleh masyarakat Melayu berketurunan Kedah ini (Gullick, 1989: 108).<sup>14</sup> Tujuan di sebalik amalan *berderau* ini adalah untuk membantu menghasilkan tenaga kerja bagi memudahkan proses penanaman dan penuaian padi (Nor A’zam dan Alip, 2013: 20).<sup>15</sup> Amalan *berderau* ini membuktikan bahawa wujudnya ikatan kekeluargaan antara masyarakat Melayu di Kerian ini dengan masyarakat Melayu Kedah, Seberang Perai dan Pulau Pinang. Hal ini kerana, tenaga kerja yang diperoleh melalui amalan *berderau* ini adalah berdasarkan kepada ikatan kekeluargaan.<sup>16</sup>

Selain daripada amalan *berderau* yang berkait rapat dengan penghijrahan dalaman *sementara* ke Kerian, pemilihan Kerian sebagai destinasi utama petempatan baharu bagi populasi masyarakat Melayu yang dilahirkan di Pulau Pinang dan Seberang Perai serta Kedah di Perak dikukuhkan oleh laporan banci tahun 1947. Laporan banci pada tahun 1947 menunjukkan secara terperinci jumlah populasi masyarakat Melayu yang dilahirkan di Pulau Pinang dan Seberang Perai serta Kedah di serata daerah di Perak. Hal ini dapat dilihat dalam Jadual 3 dan Rajah 2 di bawah:


Jadual 3: Jumlah Populasi Masyarakat Melayu Yang Dilahirkan di Pulau Pinang dan Seberang Perai serta Kedah Mengikut Daerah di Utara Perak bagi tahun 1947

<i>Daerah Utara Perak</i>	<i>Pulau Pinang dan Seberang Perai</i>	<i>Kedah</i>	<i>Jumlah</i>
Taiping	487	84	571
Larut dan Matang	1,391	762	2,153
Selama	326	752	1,078
<b>Kerian</b>	<b>1,915</b>	<b>752</b>	<b>2,667</b>

*Penghijrahan dalaman Melayu dan sumbangannya*

Dinding	779	279	1,058
<b>Jumlah</b>	<b>4,898</b>	<b>2,629</b>	<b>7,527</b>
Daerah-daerah Lain di Perak	1,937	1,226	3,163
<b>Jumlah Keseluruhan Di Perak</b>	<b>6,835</b>	<b>3,855</b>	<b>10,690</b>

Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada Del Tufo (1947).



Rajah 2: Jumlah Populasi Masyarakat Melayu Yang Dilahirkan di Pulau Pinang dan Seberang Perai serta Kedah Mengikut Daerah di Utara Perak bagi tahun 1947 (dipetik dan diubah suai dari Del Tufo, 1947).

Berdasarkan kepada Jadual 3 dan Rajah 2 di atas, jumlah keseluruhan populasi masyarakat Melayu yang dilahirkan di Pulau Pinang dan Seberang Perai serta Kedah yang menetap di Perak sebahagian besarnya memilih Utara Perak sebagai petempatan mereka. Misalnya, 7,527 orang atau 70.41% daripada 10,690 orang populasi masyarakat Melayu yang dilahirkan di Pulau Pinang dan Seberang Perai serta Kedah memilih Utara Perak sebagai penempatan mereka. Manakala selebihnya, iaitu 3,163 orang atau 29.59% lagi memilih untuk tinggal menetap di daerah-daerah lain di serta Perak. Daripada jumlah penghijrah yang berhijrah ke Utara Perak tersebut, 2,667 orang atau 35.43% daripadanya memilih Kerian sebagai petempatan mereka. Hal ini bermaksud, majoriti daripada jumlah penghijrah Melayu dari Pulau Pinang dan Seberang Perai serta Kedah memilih untuk menetap di Kerian. Oleh itu, Kerian merupakan daerah utama yang menjadi pilihan para penghijrah dari negeri-negeri dari Utara STM. Manakala selebihnya pula memilih Taiping, Larut dan Matang, Selama serta Dinding iaitu masing-masing berjumlah 571 orang atau 7.5%, 2,153 orang atau 28.60%, 1,078

orang atau 14.32% dan 1,058 orang atau 14.06% sebagai petempatan baharu mereka pada tahun 1947 (lihat Jadual 3 dan Rajah 2). Berdasarkan kepada data-data daripada laporan banci untuk tahun-tahun yang dibincangkan (tahun 1921 hingga tahun 1947), terbukti bahawa Perak umumnya dan daerah Kerian khususnya terus menjadi pilihan utama kepada penghijrah Melayu yang dilahirkan di Pulau Pinang dan Seberang Perai serta Kedah.

Lebih menarik adalah, walaupun penghijrahan masuk masyarakat Banjar semakin signifikan di Kerian, penghijrahan masuk masyarakat Melayu dari Pulau Pinang, Seberang Perai dan Kedah masih berterusan berlaku ke Kerian dengan jumlah penghijrahan dalaman tersebut adalah lebih tinggi berbanding penghijrahan masyarakat Banjar di Kerian. Pada tahun 1947 umpamanya, jumlah populasi masyarakat Banjar yang lahir di petempatan asal (Banjarmasin) yang menetap di Perak adalah berjumlah 1,515 orang (Vlieland 1931). Manakala jumlah populasi masyarakat Melayu yang dilahirkan di Pulau Pinang dan Seberang Perai serta Kedah yang menetap di Kerian pada tahun 1947 pula adalah berjumlah 2,667 orang (lihat Jadual 3). Hal ini bermaksud, jumlah populasi penghijrah tempatan di Kerian mengatasi jumlah penghijrah Banjar seramai 1,152 orang atau 43.2%. Juster, penghijrahan dalaman masih tetap tinggi di Kerian sekalipun dengan kehadiran masyarakat Banjar.

## **KESIMPULAN**

Tuntasnya, penghijrahan masuk masyarakat Melayu dari Pulau Pinang, Seberang Perai dan Kedah telahpun lama berlaku ke Kerian, Perak iaitu sekurang-kurangnya sejak awal kurun ke-19 lagi. Penjajahan British bukan sahaja tidak menghentikan penghijrahan dalaman yang telah lama berlaku tersebut, bahkan merencanakan lagi penghijrahan dalaman tersebut ke Kerian, Perak. Penghijrahan dalaman inilah yang memainkan peranan awal dalam pembangunan dan kelangsungan Kerian sebagai sebuah daerah penanaman padi yang penting dan utama di Perak dan NNMB. Penghijrahan masuk masyarakat Banjar pula hanya signifikan di Kerian selepas dekad kedua kurun ke-20 iaitu selepas pembukaan Rancangan Pengairan Kerian pada tahun 1906. Walaupun penghijrahan masuk masyarakat Banjar semakin signifikan di Kerian, penghijrahan masuk masyarakat Melayu dari Pulau Pinang, Seberang Perai dan Kedah masih berterusan berlaku ke Kerian dengan jumlah penghijrahan dalaman tersebut adalah lebih besar berbanding penghijrahan masyarakat Banjar di Kerian. Maka, penghijrahan dalaman berterusan memainkan peranannya dalam mengekalkan kedudukan Kerian sebagai sebuah daerah penanaman padi yang utama dan penting di Perak dan juga NNMB.

## NOTA

---

- <sup>1</sup> Bagi penjelasan lanjut berkenaan perkembangan penanaman padi di Kerian sebelum penjajahan, lihat (Siti Noor Hafizah 2020).
- <sup>2</sup> Bagi penulisan lain yang menyentuh tentang kegiatan pertanian di Kerian, lihat juga (Jackson 1968; Khoo 1972).
- <sup>3</sup> Kejayaan Rancangan Pengairan Kerian telah mendorong pentadbir kolonial melaksanakan rancangan pengairan yang lain bagi membantu mengairi kawasan penanaman padi yang baru dibuka di Sungai Manik iaitu di Perak Bawah (Hilir Perak) dan Panchang Bedina di daerah Kuala Selangor, Selangor. Walau bagaimanapun, kedua-dua rancangan ini dibuka selepas penubuhan Jabatan Pengairan dan Saliran pada tahun 1932 dengan 15,000 ekar tanah di bawah rancangan ini ditanam padi (Lim 1977; Yutaka 1980).
- <sup>4</sup> Ekoran ketiadaan data yang lengkap berkenaan populasi sebenar penduduk, maka sukar untuk menentukan secara tepat jumlah populasi penduduk di Kerian.
- <sup>5</sup> Sebelum itu, Sultan Kedah merupakan individu penting yang mengarahkan kerja-kerja pembinaan terusan. Misalnya, sebelum terusan Wan Muhammad Saman, Sultan Ata'Allah Muhammad Shah telah bermuafakat dengan segala menteri-menterinya bagi menitahkan supaya dibina sungai (saliran) daripada Sungai Jerlun (yang terletak di mukim Jerlun, daerah Kubang Pasu) hingga Ke Alor Janggus (yang terletak di mukim Padang Lalang, daerah Kota Setar). Pembinaan sungai (saliran) ini diteruskan hingga ke Kubang Rotan (sebuah mukim di utara Kuala Kedah, Daerah Kota Setar dan dihubungkan dengan hujung Sungai Mati (sebuah sungai kecil dalam mukim Teluk Chengai, daerah Kota Setar) hingga bertemu dengan sungai besar di Kuala Kedah. Tujuan utama di sebalik pembinaan sungai (saliran) ini adalah supaya rakyat Kedah dapat membuka tanah baharu dan seterusnya mengusahakan bendang (Muhamad Hassan 1968).
- <sup>6</sup> Ringkasnya, sehingga penghujung kurun ke-19 dan kurun ke-20, tanah-tanah yang belum diteroka dan diusahakan dengan penanaman padi di Kedah adalah tanah-tanah paya yang terbentang di beberapa kawasan jaluran tengah negeri itu dan kawasan tanah yang mempunyai ketinggian lebih 50 kaki (1 kaki = 0.3 meter) (Zaharah 1972).



- 7 Situasi yang sama turut berlaku di Kelantan umpamanya (Nik Haslinda 2011).
- 8 Tindakan melarikan diri iaitu berhijrah ke kawasan lain sebagai tanda protes terhadap eksploitasi yang berlebihan di bawah sistem kerah bukanlah isu yang asing bagi rakyat Melayu (Jackson 1961; Gullick 1970).
- 9 Jalan berturap tidak langsung dibina di daerah ini. Namun, berbanding daerah-daerah lain di Perak, Kerian merupakan daerah yang mencatatkan jumlah panjang jalan tidak berturap yang paling tinggi (*Perak Government Gazette 1891*).
- 10 Misalnya menurut laporan banci 1931, seluruh daerah di Perak kecuali Kerian mengalami peningkatan populasi penduduk melebihi 25% ekoran pertumbuhan industri penanaman getah berbanding 34.5% pada tahun 1931 (Vlieland 1931).
- 11 Hal ini dapat dilihat dalam jadual di bawah:

Jumlah Populasi Masyarakat Banjar yang Dilahirkan di Petempatan Asal (Banjarmasin) tetapi Menetap di Perak, 1921 hingga 1947

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah</i>
1921	3,651
1931	8,999
1947	2,791
<b>Jumlah keseluruhan</b>	<b>15,441</b>

Sumber: Dipetik daripada Nathan (1921); Vlieland (1931); DeI T ufo (1947).

- 12 Namun perkara paling penting adalah, sekalipun selepas pendudukan Jepun, penghijrahan masuk masyarakat Melayu ke Kerian masih berterusan berlaku. Kemasukan penghijrah masyarakat Melayu ke Kerian selepas pendudukan Jepun ini masih lagi penting dan relevan kerana berterusan membantu Kerian mengekalkan statusnya sebagai “jelapang padi” NNMB. Bahkan selepas merdeka (1957), kedudukan Kerian sebagai salah sebuah kawasan penanaman padi yang penting dan utama telah mendorong kepada usaha memperluaskan rancangan pengairan Kerian dijalankan di bawah Rancangan Malaysia Kedua (1961-1965) dan dijalankan dalam tiga fasa. Penjelasan lanjut, rujuk (Selvadurai 1972).
- 13 Hanya pada tahun 1947 baharulah laporan banci tersebut menunjukkan secara terperinci taburan populasi

masyarakat Melayu yang dilahirkan di Pulau Pinang termasuk Seberang Perai dan Kedah yang menetap di serata daerah di Perak.

- <sup>14</sup> Namun Gullick dalam penulisan yang sama menyatakan bahawa amalan penghijrahan sementara ke Kerian ini terhenti dengan adanya usaha daripada pentadbiran British mewujudkan masyarakat yang tinggal menetap dan pemberian tanah secara teratur di Kerian. Namun, pandangan Gullick ini ternyata kurang tepat. Hal ini kerana, *penghijrahan sementara* ini berterusan berlaku pada tahun 1931 iaitu selepas hampir enam dekad selepas berlakunya penjajahan British di Perak pada tahun 1874. Pada tahun ini, terdapat lebih 4,700 orang penghijrah secara sementara atau bermusim daripada 12,926 orang penghijrah yang berasal dari Pulau Pinang dan Seberang Perai dan Kedah di Perak.
- <sup>15</sup> Berkaitan amalan "*berderau*" atau gotong royong yang merupakan salah satu ciri sosial masyarakat Melayu berketurunan Kedah ini, amalan ini sebenarnya merupakan satu nilai budaya yang turut menjadi amalan masyarakat Banjar. Amalan gotong royong atau lebih dikenali sebagai "*besiru*" dalam masyarakat Banjar merujuk kepada sikap kebersamaan atau kolektif yang berdasarkan kepada prinsip dasarnya bahawa kehidupan sesama manusia memerlukan pergantungan antara satu sama lain (Lalu Murdi 2018). Hal ini membawa kepada kemungkinan bahawa di Kerian, wujudnya percampuran atau saling mempengaruhi antara kedua-duanya golongan ini.
- <sup>16</sup> Misalnya di Wilayah Muda, Kedah, amalan *berderau* ini berlaku pada setiap kali tibanya musim penanaman dan penuaian padi. Petani padi dari Selatan Siam yang kebanyakannya mempunyai ikatan kekeluargaan dengan penduduk di Wilayah Muda berhijrah masuk ke wilayah tersebut pada setiap kali tibanya musim penanaman padi bagi membantu kerja-kerja penanaman dan penuaian padi (Afifuddin 1986)

## RUJUKAN

- Afifudin Haji Omar. 1986. *Pembangunan ekonomi kaum tani*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azman bin Isa. 2013. Perkembangan undang-undang dan pentadbiran tanah di Kedah, 1667-1965, Tesis Ph.D. Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Chai, Hon Chan. 1967 *Development of British Malaya 1896-1909*. London: Oxford University Press.
- CO 438/1-2, *Annual Report on Social and Economic Progress of the People of Perak 1890*
- CO 438/1-2, *Annual Report on Social and Economic Progress of the People of Perak 1891*
- CO 438/1-2, *Annual Report on Social and Economic Progress of the People of Perak 1906*
- CO 438/1-2, *Annual Report on Social and Economic Progress of the People of Perak 1911*
- CO 438/1-2, *Annual Report on Social and Economic Progress of the People of Perak 1930*
- CO 438/1-2, *Annual Report on Social and Economic Progress of the People of Perak 1931*
- CO 438/1-2, *Annual Report on Social and Economic Progress of the People of Perak 1939*
- Gullick, J.M. 1970. *Sistem politik bumiputera Tanah Melayu barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gullick, J.M. 1989. *Malay society in the late nineteenth century: The beginnings of change*. Singapore: Oxford University Press.
- Hill, R.D. 1977. *Rice in Malaya: A study in historical geography*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Jackson, J.C. 1968. *Planters and speculators: Chinese and European agricultural enterprise in Malaya, 1786-1921*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Jackson, R.N. 1961. *Immigrant labour and development of Malaya, 1786-1920*. Kuala Lumpur: Government Press.
- Jomo, K.S. 1988. *Pembangunan ekonomi dan kelas sosial di Semenanjung Malaysia*. terj. Shamsul Bahriah Ku Ahmad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khazin Mohd Tamrin. 1987. *Orang Jawa di Selangor: Penghijrahan dan penempatan, 1880-1940*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khoo, K.K. 1987. Perak 1880-1910: Menempuh zaman teknologi dan perladangan. Seminar Sejarah dan Kebudayaan Melayu Perak di Kuala Lumpur.
- Khoo, K.K. 1972. *The western Malay States, 1850-1873: The effects of commercial development on Malay politics*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

- Kratoska, P.H. 1982 (ed.), *Penghijrah dan penghijrahan (Kumpulan esei sejarah Malaysia oleh pelajar-pelajar U.S.M.)*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Kratoska, P.H. 1982. Rice cultivation and ethnic division of labor in British Malaya, *Comparative Studies in Society and History* 24(2): 280-314.
- Lalu Murdi. 2018. Spirit nilai gotong royong dalam Banjar dan *besiru* pada masyarakat Sasak-Lombok. *Fajar Historia* 2(1): 39-54. DOI ([10.29408/fhs.v2i1.1288](https://doi.org/10.29408/fhs.v2i1.1288)).
- Lim, T.G. 1976. *Origins of a colonial economy: Land and agriculture in Perak 1874-1897*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Lim, Teck Ghee. 1977. *Peasant and their agricultural economy in Colonial Malaya, 1874-1941*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Mahani Musa. 2012. Adat, perundangan dan pengukuhan identiti kenegaraan Kedah prakolonial. Dalam *Warisan wilayah utara Semenanjung Malaysia*, ed. Ooi Keat Gin, 54-86. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Maxwell, W. E. 1884. The law and customs of the Malays with reference to the tenure of land. *JMBRAS* 13: 75-220. <https://www.jstor.org/stable/41607008>.
- Muhammad Hassan bin To' Kerani Mohd. Arshad. 1968. *Al-tarikh salasilah negeri Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nathan, J. E. 1922. *The Census of British Malaya 1921*. London: Waterlow & Sons Limited.
- Nik Haslinda Nik Hussain. 2011. *Pentadbiran kolonial dan isu pemilikan tanah di Kelantan 1881-1941*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Nor A'zam Shuib dan Alip Rahim. 2013. Alam persekitaran masyarakat Melayu desa. Dalam *Kearifan Tempatan: Pengalaman nusantara, berasal dari akar*, Jil. 1. eds. Nazarudin Zainun, Rahimah A. Hamid dan Mohd Kipli Abdul Rahman, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Perak Government Gazette 1891*.
- Pountney, A. M. 1912. *The Census of the Federated Malay States 1911*. London: Darling & Son Ltd.
- Sadka, E. 1968. *The protected Malay states, 1874-1895*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Sharom Ahmat. 1984. *Tradition and change in a Malay state: A study of the economic and political development of Kedah, 1878-1923*. Kuala Lumpur: MBRAS.
- Short, D. E. and Jackson, J. C. 1971. The origins of an irrigation policy in Malaya: A Review of Development Prior to the Establishment of the Drainage and Irrigation Development. *JMBRAS* 44(1): 78-103.
- Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif. 2020. Penghijrahan masyarakat Melayu ke Kerian, Perak (1816-1873). *Kajian Malaysia* 38(2): 139-160. DOI: <https://doi.org/10.21315/km2020.38.2.6>
- Smith, T.E. 1952. *Population growth in Malaya*. London: Royal Institute of International Affairs.
- S. Selvadurai. 1972. *Krian padi survey*. Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Perikanan.
- Tufo, M. V. D. (1949), *A Report on the 1947 Census of population*. London: The Crown Agent for the Colonies.

- Tunku Shamsul Bahrin. 1967. the growth and distribution of the Indonesian Populatian in Malaya. *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde* Deel 123: 267-286.
- Vlieland, C.A. 1932. *British Malaya: Report on the 1931 Census and on certain problems of vital statistic*. London: The Crown Agent for the Colonies.
- Vlieland, C.A. 1934. The population of the Malay Peninsula: A study in human migration. *Geographical Review* 24(1): 61-78.
- Wang, Gungwu. 1985. Migration patterns in history: Malaysia and the region. *JMBRAS* 58(1): 43-57.
- Wang, Gungwu. 2001. Patterns in migrations history revisited. Dalam *Don't leave home: Migration and the Chinese*, Singapore: Times Academic Press.
- Winstedt, R.O. 1923. *Malaya: The Straits Settlements and The Federated and Unfederated Malay States*, London: Constable & Co. Ltd.
- Yutaka Shimomoto. 1980. Agricultural development policy in west Malaysia. *Southeast Asian Studies* 18(1): 92-109.
- Zaharah Haji Mahmud. 1972. Change in Malay sultanate: An historical geography of Kedah before 1939, microfilem 258.